



# Selayangku Sayang

DITERBITKAN OLEH  
MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG  
NASKAH PERCUMA

WWW.MPS.GOV.MY

SEPT - DISEMBER | EDISI 2/2017



## KARNIVAL ALAM SEKITAR & KEPENGGUNAAN

Bersama Y.A.M. Tengku Datin Paduka Setia Zatashah Binti Sultan Sharafuddin Idris Shah Al-Haj



[twitter.com/mpselayang](https://twitter.com/mpselayang)



[www.facebook.com/majlisperbandaranselayang](https://www.facebook.com/majlisperbandaranselayang)



[mpselayang](#)

# Dari Meja YDP

ISU 3-2017 | SEPT - DISEMBER



@mpselayang



facebook.com/mpselayang

## SIDANG REDAKSI

### PENASIHAT

Tuan Suliman B. Abd Rahman A.M.N., P.P.T.  
ydp@mps.gov.my  
Dato' Juhari B. Ahmad  
tydp@mps.gov.my

### KETUA PENGARANG

En. Mohamad Zin B. Masoad  
mzin.masoad@mps.gov.my

### PENOLONG KETUA PENGARANG

En. Ahmad Fauzi B. Ishak  
ahmad\_fauzi@mps.gov.my

### PENGARANG

En. Muhammad Aniq Aiman B. Roslan  
maniqaiman.roslan@mps.gov.my  
Cik Norillyana Bt. Roslan  
norillyana.roslan@mps.gov.my  
Pn. Atiqah Bt. Yahya  
atiqah.yahya@mps.gov.my  
Pn. Norhasliza Bt. Hassan  
norhasliza.hassan@mps.gov.my  
Pn. Noraswalzha Bt. Ibrahim  
noraswalzha.ibrahim@mps.gov.my  
Pn. Siti Maisarah Bt. Abd. Rahman  
sitimasarah.abrahman@mps.gov.my  
En. Elley Roulzee B. Ahmad Samsuddin  
elleyroulzee.asamsuddin@mps.gov.my

### PEREKA LETAK

Pn. Suraiya Hani Bt. Zamari  
suraiyahani.zamari@mps.gov.my  
Pn. Erni Yusliza Bt. Zainuddin  
erniyusliza.zainuddin@mps.gov.my

### JURUFOTO

Cik Anissapinah Bt. Mohd Dan  
anissapinah.mohddan@mps.gov.my  
En. Mohamad Khairun Bin Roslan  
mkhairun.roslan@mps.gov.my

### DITERBITKAN OLEH

Jabatan Korporat  
Majlis Perbandaran Selayang

Penerbit tidak akan bertanggungjawab atas sebarang pelanggaran hak cipta dan masalah dari penerbitan ini. Sebarang maklum balas atau cadangan boleh dihantar kepada;

### Jabatan Korporat

Majlis Perbandaran Selayang  
Menara MPS, Persiaran 3, Bandar Baru Selayang  
68100 Batu Caves, Selangor Darul Ehsan

No. Tel: 03 6126 5800 Fax: 03 6138 2728  
E-mel: aduanmps@mps.gov.my  
Tollfree: 1800-222-677

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah S.W.T atas limpahan rahmatnya, Buletin Edisi Ke 2 2017 dapat di terbitkan.

Saya ingin menzahirkan rasa gembira dan ucapan terima kasih kepada semua yang terlibat dalam memastikan wahana yang dijadikan wadah penyampaian maklumat ini dapat dihasilkan dan didokumentasikan dengan baik.

Pada tahun 2017 ini, MPS lebih giat dalam usaha memberikan perkhidmatan dan pembangunan yang terbaik kepada pembayar cukai di samping menjana pembangunan ekonomi, meningkatkan taraf hidup penduduk tempatan serta menyediakan prasarana kemudahan awam untuk orang ramai. Berteraskan kepada Pelan Strategik MPS 2016-2020, MPS telah berjaya meningkatkan mutu perkhidmatan penyampaian melalui sistem penyampaian yang baik dan berkesan. Aspek integriti mula diserapkan dan akan menjadi tunjang dalam setiap tindakan dan kita perlu bertindak pantas serta proaktif dalam menterjemahkan setiap kehendak pelanggan. Berfikiran secara kreatif dan inovatif di samping penerapan nilai-nilai bersama iaitu setia, amanah, proaktif, integriti dan semangat berpasukan digalakkan dalam usaha memupuk budaya berprestasi tinggi dan kecemerlangan.



Pelbagai kejayaan telah kita raih bersama-sama pada tahun 2017. Antara pencapaian manis yang kita bersama rangkul ialah kejayaan mengekalkan pensijilan MPS ISO 9001-2015 di audit pemantauan pertama SIRIM pada bulan Jun 2017. MPS juga telah berubah daripada amalan 5S kepada EKSA yang telah diluluskan pada Julai 2017. Di samping itu, MPS turut berjaya mengungguli tempat pertama di Anugerah Konvensyen MPC Zon Selatan serta dianugerahkan dengan Anugerah 4 Bintang dalam Anugerah Indeks Akuantabiliti Pengurusan Kewangan (AI).

Akhir sekali, saya mengucapkan terima kasih kepada warga MPS yang telah bersama-sama menyumbang kepada kecemerlangan yang telah dikecapai oleh MPS. Saya berharap kegemilangan dan kecemerlangan ini akan dapat diteruskan pada tahun 2018.

Sekian, Terima Kasih.



**SULIMAN BIN ABD RAHMAN A.M.S., P.P.T.**

Yang Dipertua  
Majlis Perbandaran Selayang

## JELAJAH PEDULI RAKYAT BERSAMA MENTERI BESAR SELANGOR



**Y.A.B DATO' MENTERI BESAR SELANGOR**, Dato' Seri Mohamed Azmin Bin Ali telah hadir ke Masjid Nurul Yaqin Kg Melayu Sri Kundang bagi menunaikan solat jumaat dan merealisasikan program Jelajah Peduli Rakyat yang diadakan pada 15 Disember 2017.

Sebahagian besar daripada kariah masjid dan penduduk setempat telah menerima sumbangan di bawah program Inisiatif Peduli Rakyat (IPR) yang terdiri daripada Skim Hijrah dan Skim Peduli Sihat. Dalam pada itu, anak-anak muda dan persatuan warga emas juga diberikan bantuan khas seperti peralatan sukan dan kemudahan sistem audio.

Tidak ketinggalan juga, pihak syarikat Menteri Besar Selangor (MBI) yang turut hadir dalam program tersebut telah menyalurkan bantuan pakaian seragam kepada pelajar-pelajar bersempena tahun baharu yang bakal tiba beserta sumbangan kewangan kepada Masjid Nurul Yaqin. Pada waktu yang sama, sebanyak 10 buah organisasi yang terdiri daripada sekolah, masjid dan surau juga menerima bantuan kewangan daripada Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) dengan jumlah keseluruhan peruntukan dana bantuan sebanyak RM 240,000.

## PELANCARAN BAS SMART SELANGOR LALUAN KEDUA 2017

**SEBANYAK** 17 perhentian penumpang di dalam laluan Bas Smart Selangor MPS 02 (Rawang) dengan jajaran sepanjang 18 km telah disediakan oleh kerajaan negeri dengan kerjasama Majlis Perbandaran Selayang. Kawasan perhentian seperti institusi persekolahan, tempat beribadah dan pasaraya menjadi keutamaan pihak kerajaan negeri pada pelancaran kali ini.

Program telah dirasmikan oleh Y.B. Dato' Teng Chang Khim, Pengurus Jawatankuasa Tetap Pelaburan, Perindustrian & Perdagangan, Industri Kecil & Sederhana (IKS) Dan Pengangkutan Negeri Selangor. Perkhidmatan ini juga mendapat sambutan memberangsangkan dengan statistik mencécah 43,000 penumpang bagi tempoh dua bulan pertama pengoperasianya yang bermula pada 6.00 pagi sehingga 10.00 malam dengan kekerapan perjalanan 30 minit. Bas percuma ini disertakan dengan ciri-ciri kemudahan yang dipertingkatkan seperti Wifi, CCTV, Passenger Information System (PIS) dan mesra OKU. Majlis pelancaran telah berlangsung pada 3 Oktober 2017.



## SESI DIALOG BELANJAWAN MPS 2018

### PENYERTAAN KOMUNITI BANTU RANGKA FORMULA



**SESI** Dialog Belanjawan 2018 Bersama Komuniti Selayang telah berlangsung pada 16 Oktober 2017 bertempat di Majlis Perbandaran Selayang (MPS). YB Puan Gan Pei Nei, Adun Rawang bersama-sama Ahli-ahli Majlis telah hadir dan berkongsi input yang mengambil kira pandangan keseluruhan masyarakat Selayang bagi membantu merangka formula Belanjawan 2018. Secara umumnya belanjawan pada kali ini akan memberi perhatian kepada pembangunan infrastruktur, pembangunan sosial & komuniti dan perkhidmatan & kemudahan awam.

## LOW CORBON CITIES FRAMEWORK MPS 2017

### KE ARAH SEBUAH BANDAR PINTAR DAN RENDAH KARBON

**SESI** Bersempena Hari Perancang Bandar Sedunia pada 8 November 2017, MPS telah menganjurkan sebuah seminar yang bertajuk 'Low Carbon Cities Framework' (LCCF) sebagai pendekatan awal dalam menuju ke arah sebuah bandar pintar dan rendah karbon untuk generasi akan datang.

Yang Berbahagia Datin TPr Hajah Noraida Binti Saludin, Timbalan Pengurus, Pertubuhan Perancang Malaysia telah dijemput menjadi moderator untuk memberi tunjuk ajar dan berkongsi pengalaman mengenai LCCF. Sehubungan itu, wakil daripada pihak berkuasa tempatan (PBT) MBSA, MPSJ dan MPK turut diundang bagi menjayakan sesi dialog dan bengkel dalam seminar tersebut.



### MAJLIS HI TEA ANUGERAH REWARD YDP 2017 RAI PENERIMA



**BERSEMPENA** dengan program Anugerah Reward YDP 2017, MPS telah mengadakan sebuah jamuan makan yang bertempat di Setia Eco Templer, Templer Park, Rawang pada 20 Disember 2017. Pakej makan tengahari ini adalah sebahagian daripada pemberian Anugerah Reward YDP yang telah sampaikan pada Hari Inovasi dan Integriti MPS 2017 yang lalu sebagai tanda penghargaan.

Ganjaran yang diberikan mengikut dua bahagian iaitu Peningkatan Imej dan Pengurangan Kos / Tingkatkan Kecekapan. Kemudiannya setiap bahagian dikategorikan mengikut bintang-bintang dengan berdasarkan pencapaian.

Oleh itu, Anugerah 1 bintang adalah pencapaian di peringkat MPS dan Anugerah 2 bintang pencapaian di peringkat pihak berkuasa tempatan (PBT).

Manakala bagi Anugerah 3 bintang pula adalah pencapaian yang diraih di peringkat negeri atau kebangsaan dan Anugerah 4 bintang adalah pencapaian yang dimenangi di peringkat negara atau antarabangsa. Sementara itu, turut hadir pada jamuan tersebut adalah Yang Dipertua MPS bersama pengarah-pengarah jabatan serta para penerima anugerah yang diraikan.

## LAWATAN DARI YEONGDEUNGPO DISTRICT COUNCIL, SOUTH KOREA



PADA tarikh 30 Oktober 2017, MPS telah menerima kunjungan daripada delegasi Republik Korea. Kunjungan ini bertujuan untuk memberi peluang kepada kedua-dua pihak bertukar pandangan dan berkongsi pengetahuan serta pengalaman mengenai pentadbiran sebagai sebuah majlis perbandaran. Seramai 23 orang daripada Majlis Daerah Yeongdeungpo yang terdiri daripada Presiden, Naib Presiden dan Ahli-ahli Majlis hadir dalam program tersebut. Sesi pembentangan dan soal jawab telah dipengerusikan oleh YBhg Dato' Juhari bin Ahmad, Timbalan Yang Dipertua MPS



## LAWATAN SAMBIL BELAJAR DARI PELAJAR UITM PULAU PINANG

**SERAMAI** 81 pelajar daripada Diploma Kesihatan Persekitaran Semester 3, Fakulti Sains Kesihatan, UiTM Pulau Pinang, Kampus Bertam telah melawat Majlis Perbandaran Selayang (MPS) pada 27 Oktober 2017. Menurut tenaga pengajar yang mengetuai lawatan, kunjungan ini bertujuan untuk memberi pendedahan kepada para pelajar tentang aktiviti perkhidmatan pengurusan sisa pepejal.

Sehubungan itu, Jabatan Kesihatan & Sisa Pepejal, MPS telah mengadakan sesi pembentangan dan bagi pembelajaran yang lebih praktikal, pelajar-pelajar ini turut dibawa melawat tapak projek-projek yang melibatkan pengurusan sampah seperti proses kitar semula dan pembuatan baja kompos.



HARI  
INOVASI DAN INTEGRITI 2017



**HARI** Inovasi dan Integriti MPS 2017, telah berlangsung pada 19 Disember 2017 di dalam perhimpunan bulanan MPS bil 12/2017 yang bertempat di Lobi MPS. Tuan Suliman bin Abdul Rahman, Yang Dipertua MPS telah menyempurnakan majlis perasmian tersebut serta melancarkan Buku Pelan Strategik dan Buku EKSA. Sejurus itu, majlis telah diteruskan

dengan penyampaian Anugerah Reward YDP kepada staff-staff MPS yang mempamerkan pencapaian-pencapaian terbaik sepanjang tahun 2017.

Pada waktu yang sama, bacaan Ikrar Perkhidmatan Awam juga dijalankan bersempena dengan program pada hari

tersebut dan telah diketuai oleh En Razak bin Othman daripada Jabatan Penguasaan dan Keselamatan. Majlis disudahi dengan lawatan pameran dan ceramah integriti pada sebelah petang.

## SEMINAR KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN 2017



PADA 12 Disember 2017, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Kesihatan, MPS telah menganjurkan sebuah Seminar Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan yang melibatkan lebih 30 kakitangan MPS. Program ini bertujuan untuk memberi kesedaran dan pendedahan mengenai keselamatan dan kesihatan pekerjaan, prosedur kerja, peraturan-peraturan dan panduan-panduan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di kalangan para pekerja.

En Asrul Ahmad, Ketua Seksyen Promosi dan Sumber daripada Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Selangor telah dijemput untuk menjalankan taklimat penuh.


## TAKLIMAT PENCEGAHAN KEBAKARAN & DEMONSTRASI LATIHAN KEBAKARAN 2017



JABATAN Pengurusan Sisa Pepejal dan Kesihatan telah menganjurkan Taklimat Pencegahan Kebakaran & Demonstrasi Latihan Kebakaran pada 18 Disember 2017 bertempat di Bilik Keraian, MPS.

Semua warga MPS telah memberikan kerjasama semasa demonstrasi latihan kebakaran sedang berlangsung dengan mencatatkan rekod keputusan masa terbaik untuk bergerak ke lokasi berkumpul yang terletak di luar kawasan MPS. Program diakhiri dengan penilaian semula terhadap respons kebakaran dan sesi perbincangan.

Sesi taklimat telah disampaikan oleh En Razak Othman daripada Jabatan Penguatkuasaan dan Keselamatan. Taklimat tersebut bertujuan untuk memberi kefahaman dan kesedaran tentang bagaimana menangani dan tindakan yang perlu dilaksanakan sekiranya berlaku kebakaran samada di tempat kerja.



## LALUAN BAS KAWASAN RAWANG

**WAKTU OPERASI:**  
**SETIAP HARI**  
**6.00 PAGI – 10.00 MALAM**

- TESCO RAWANG
- RUMAH PKNS BT 16
- TAMAN KANCHING
- TAMAN TUN TEJA
- APARTMENT TUN TEJA
- SRA AL-HIDAYAH
- SK TUN TEJA
- TAMAN MUHIBBAH
- SM TUN PERAK
- PANGSAPURI BERINGIN
- SURAU AL-RADHIAH
- TAMAN BERSATU
- TAMAN BERSATU FASA 3
- BATU 17 RAWANG
- KTM RAWANG
- MYDIN RAWANG
- TERMINAL BAS & TEKSI RAWANG

**HOTLINE**  
03-61265800  
1800-222-677

[www.selangor.gov.my](http://www.selangor.gov.my)



Selangor State Government




bulletin  
Selayangan Sayang

# Aplikasi Mobile STARS MPS



**APLIKASI ADUAN MPS**  
Muat Turun Di



MAMPAK • PROGRESIF • SEJAHTERA

MAMPAK • PROGRESIF • SEJAHTERA



# Karnival Alam & Kepenggunaan SEMPENA 20



**BERSEMPENA** 20 tahun penubuhan Majlis Perbandaran Selayang, pihak MPS telah menganjurkan Karnival Alam Sekitar dan Kepenggunaan yang bertempat di Puteri Central Park, Bandar Tasik Puteri, Rawang pada 25 November 2017. Karnival ini diadakan bertujuan untuk memberi pendedahan tentang amalan hidup sihat dan memberi kesedaran kepada penduduk setempat mengenai kepentingan flora disamping meraikan 20 tahun penubuhan MPS.

Majlis perasmian telah disempurnakan oleh Y.A.M. Tengku Datin Paduka Setia Zatashah Binti Sultan Sharafuddin Idris Shah. Turut serta pada karnival ini adalah Y.B. Puan Elizabeth Wong Keat Ping, Pengurusi Jawatankuasa Tetap Pelancongan, Alam Sekitar, Teknologi Hijau Dan Hal Ehwal Pengguna merangkup ADN Bukit Lanjan.

Pelbagai aktiviti-aktiviti menarik diadakan seperti acara larian sihat dan program tanam pokok. Selain itu, karnival ini turut menyediakan program sampingan kepada orang ramai untuk beriadah seperti pertandingan mewarna, sukaneka, persempahan fesyen dan pertandingan muzik (Band Kitar Semula) yang berteraskan bahan-bahan kitar semula. Majlis penutupan karnival telah disempurnakan oleh Y.B. Tuan Amirudin Bin Shari, Pengurusi Jawatankuasa Tetap Pembangunan Generasi Muda & Sukan, Kebudayaan dan Pembangunan Usahawan.



# Sekitar & Binaan

## TAHUN MPS



## CERAMAH AGAMA

# BERSEMPENA SAMBUTAN MAULIDUR RASUL 1439H/2017M



**BERSEMPENA** Sambutan maulidur rasul, pihak ANULAE MPS telah menganjurkan sebuah ceramah agama yang telah disampaikan oleh Al-Fadhil Ustaz Elyas bin Ismail dengan tajuk "Kita Sayang Siapa" pada 13 Disember 2017. Disamping itu, kakitangan MPS turut menerima pendedahan berkenaan taklimat zakat oleh En Sabri bin Mat Nor, Eksekutif Kanan Jabatan Majikan daripada Lembaga Zakat Selangor. Majlis juga dimeriahkan lagi dengan persembahan kumpulan nasyid daripada Rumah Kebajikan Cahaya Bistari, Selayang Baru dan diakhiri dengan sesi berselawat beramai-ramai.



## PERARAKAN

# SAMBUTAN MAULIDUR RASUL PERINGKAT NEGERI SELANGOR

**SERAMAI** 40 orang kakitangan MPS telah menyertai perarakan Maulidur Rasul 1439H / 2017M sejauh 1.6 km. Para kontinjen telah mula berarak dari Stadium Mini Shah Alam sehingga ke Stadium Melawati pada 01 Disember 2017 dengan diketuai oleh Raja Muda Selangor.

Program ini mendapat sambutan menggalakkan daripada pelbagai agensi-agensi swasta dan kerajaan dengan penglibatan melebihi 90 kontinjen. Perarakan ini telah berlangsung dan turut disertai oleh Tuan Suliman Bin Abdul Rahman, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Selayang.



## PROGRAM CERIA KEMBALI KE SEKOLAH 2017



MPS telah mengadakan program tanggungjawab sosial korporat yang telah berlangsung pada 21 Disember 2017 bertempat di Lobi Menara MPS. Program yang bertajuk Ceria Kembali ke Sekolah Peringkat MPS 2017 ini dianjurkan dengan tujuan untuk membantu ibu bapa daripada kalangan kurang berkemampuan dan berpendapatan rendah dalam membuat persediaan sempena sesi persekolahan bagi tahun 2018.

Oleh itu, seramai 204 pelajar-pelajar yang terdiri daripada Pusat Jagaan Budaya Harapan, Rumah Kebajikan Karunai Illam, Rumah Baitul Fitrah, Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Kheow Bin, Pertubuhan Kebajikan dan Pendidikan Raudhatul Nurr Jannah dan anak-anak kakitangan MPS Yatim Asnaf telah menerima sumbangan berbentuk pakaian seragam, beg sekolah serta peralatan menulis. Majlis perasmian juga telah disempurnakan oleh Yang Berbahagia Dato' Juhari Bin Ahmad, Timbalan Yang Dipertua MPS.



## PELANCARAN KEBUN KOMUNITI & PERTANDINGAN EDIBLE GARDEN 2017

**KEBUN** Komuniti dan Pertandingan Edible Garden yang telah dianjurkan pada 23 Disember 2017 merupakan salah satu pengisian program dalam Jawatankuasa Kerja Kejiranan Hijau di bawah Program Local Agenda 21 (LA21). Ianya bertujuan mewujudkan persekitaran yang selesa, selamat dan harmoni serta melahirkan sebuah masyarakat yang sihat dan peka terhadap isu-isu alam sekitar, sosial dan ekonomi.

Dalam majlis pelancaran ini juga, pihak MPS telah menganugerahkan kepada para pemenang Pertandingan Edible Garden yang melibatkan sebanyak 7 kawasan baru iaitu Kampung Sungai Chin Chin, Gombak, Bali Penghulu Mukim Setapak, Taman Seri Gombak Kampung Laksamana, Taman Selayang Mutiara, Taman Bukit Rawang Putra, Kampung Laksamana, Gombak dan Taman Desa Jaya, Kepong. Setiap tempat ini telah diwakili oleh ahli-ahli majlis kawasan masing-masing.

Dalam pada itu, MPS turut menyediakan Anugerah Penyelenggaraan Kebun Komuniti Terbaik 2016 kepada peserta yang mengekalkan peliharaan kebun komuniti dengan baik. Juga, majlis perasmian telah disempurnakan oleh Yang Berusaha YB Tuan Hasbullah Bin Mohd Ridzwan, ADUN Gombak Setia. Taniah diucapkan kepada para pemenang.



## MAJLIS SINARAN DEEPAVALI 2017



**SINARAN** Deepavali ke-16 anjuran Biro Kebajikan India dengan kerjasama ANULAE telah dirasmikan oleh Tuan Suliman bin Abd Rahman, YDP Majlis Perbandaran Selayang pada 7 Oktober 2017. Seramai 15 orang kakitangan MPS menerima bantuan kebajikan daripada ANULAE. Sambutan turut disertai oleh Ahli-ahli Majlis dan dimeriahkan lagi dengan kehadiran keluarga kakitangan MPS yang berbangsa India

## KARNIVAL SIHAT SELANGOR DAN SAMBUTAN HARI MALAYSIA 2017

LEBIH 1,000 penduduk di sekitar Rawang telah hadir memeriahkan program Karnival Sihat Selangor dan Sambutan Hari Malaysia peringkat Majlis Perbandaran Selayang pada 16 September 2017 yang lalu.

Program yang diadakan di Taman Tasik Bersatu Rawang ini telah di rasmiikan oleh Yang Berhormat Puan Dr. Daroyah Binti Alwi, Pengurus Jawatankuasa Tetap Kesihatan, Kebajikan, Pembangunan Wanita dan Keluarga, Negeri Selangor. Majlis turut disertai oleh Tuan Suliman bin Abd Rahman, Yang Dipertua MPS, YB William Leong Jee Keen, Ahli Parlimen Selayang dan YB Puan Gan Pei Nei, Ahli Dewan Undangan Negeri Rawang.

Pada karnival ini, pelbagai aktiviti telah dianjurkan antaranya berjalan kaki 10,000 langkah, penyampaian Kad Peduli Sihat, penyerahan beg sekolah di bawah program Tabung Warisan Anak Selangor (TAWAS), saringan kesihatan, promosi pemakanan sihat, pemeriksaan mammogram, program derma darah, program kesedaran denggi, kaunter aduan MPS dan lain-lain



## MAJLIS PENYERAHAN TONG KITAR SEMULA 2017



**MAJLIS** Penyerahan Tong Kitar Semula anjuran MPS telah berlangsung pada 03 Disember 2017 yang bertujuan untuk memberi pendedahan kepada orang ramai berkenaan manfaat amalan pengasingan bahan kita semula. Selain itu, pihak MPS juga mengambil peluang ini untuk memperkenalkan sistem ganjaran mata melalui program ICYCLE yang telah disediakan oleh MPS dengan kerjasama Syarikat iCycle Malaysia Sdn. Bhd. Bagi peserta yang berminat boleh mendaftar di laman sesawang berikut : [www.ecycle-global.com](http://www.ecycle-global.com).

## OPERASI



### OPERASI BERSEPADU SEMBELIHAN AYAM



**OPERASI** Bersepadu Sembelihan Ayam telah dijalankan pada 16 Disember 2017 yang bermula pada jam 1.00 pagi bertempat di Premis sembelihan ayam Selayang Baru. Pemeriksaan premis yang berakhir pada jam 4 pagi ini telah melibatkan seramai 60 orang penguatkuasa yang terdiri daripada Majlis Perbandaran Selayang (MPS) dan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS)

Hasil daripada operasi tersebut, pihak MPS telah mengeluarkan 12 keping kompaun yang berjumlah RM 9,000 untuk beberapa kesalahan di bawah undang-undang kecil. Tiada notis atau sitaan dilakukan tetapi pihak MPS telah menarik semula beberapa lesen perniagaan daripada premis-premis yang melanggar peraturan dan menyalah gunakan pelekat lesen perniagaan tersebut.

Manakala pihak JAIS telah mengenal pasti sebanyak 7 buah gerai tidak mengikuti garis panduan penyembelihan yang ditetapkan oleh pihak JAIS. Juga, masih ada segelintir pengusaha gerai ayam masih menggaji pekerja yang tidak memiliki lesen tauliah sembelihan yang sah daripada JAIS. Sehubungan itu, pihak JAIS turut menasihati para pengusaha ayam supaya mematuhi garis panduan penyembelihan yang sedia ada terutamanya dalam amalan kebersihan.

### OPERASI SITAAN CUKAI TAKSIRAN

OPERASI SITA CUKAI TAKSIRAN PENGGAL 2 TAHUN 2017 ( 27 Februari 2018 ) Ops Sitaan telah dijalankan di Rawang melibatkan 5 akaun pemilik yang telah dikenal pasti mempunyai tunggakan bayaran dengan jumlah kutipan sebanyak RM9,426.15. Dipohon kepada semua pemilik akaun yang masih belum membuat pembayaran tunggakan cukai taksiran untuk membuat bayaran segera bagi mengelakkan harta alih disita. Hubungi Bahagian Hasil di 03-6126 5966/61 atau layari [www.mps.gov.my](http://www.mps.gov.my) untuk maklumat lanjut.



### OPERASI MEMACAK NOTIS PERINGATAN

**PADA** 28 Disember 2017, MPS telah mengadakan sebuah operasi memacak notis peringatan di kawasan tanah-tanah mukim yang gagal menjelaskan cukai taksiran. Ianya bertujuan untuk memberi peringatan dan meminta pemiliknya membayar tunggakan atau berdepan tindakan undang – undang. Sebanyak 20 buah tanah lot yang meliputi kawasan mukim rawang telah di beri notis peringatan.



## EKSPLORASI GUA DAMAI 2017

MPS telah menganjurkan program Eksplorasi Gua Damai, Batu Caves pada 10 Oktober 2017. Objektif program ini adalah bertujuan untuk mempromosikan taman pelancongan Gua Damai yang boleh digunakan bagi menjalankan aktiviti sukan-sukan lasak.

Majlis perasmian telah disempurnakan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Amirudin Bin Shari, Ahli Dewan Undangan Negeri Batu Caves merangkap Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pembangunan Generasi Muda & Sukan, Kebudayaan dan Pembangunan Usahawan Negeri Selangor.



## INTERNATIONAL BASE JUMP GUA DAMAI 2017

MPS dengan kerjasama Wira Adventure Consultant serta sokongan dari Tourism Selangor telah menganjurkan Program Gua Damai International Base Jump 2017 bermula pada 26 hingga 27 September 2017. Ini adalah acara tahunan kali kesepuluh sejak pertama kali dianjurkan pada tahun 2008 dan merupakan anjuran MPS untuk kali keempat. Ia merupakan aktiviti pemanas badan sebelum penganjuran acara KL Tower International Base Jump 2017.



Bagi edisi kali ini, seramai 124 penyertaan yang membabitkan peserta dari 22 buah negara iaitu Australia, Austria, Belgium, Brazil, Canada, Finland, France, Germany, Ireland, Italy, Japan, Netherland, New Zealand, Norway, Portland, Russia, Sweden, Switzerland, Turkey, Amerika Syarikat, United Kingdom dan Malaysia.



## MAJLIS APRESIASI MEDIA DAN KEMBARA BUKIT LAGONG 2017

**TAHANIAH!** Kepada para pemenang anugerah di Majlis Apresiasi Media dan Kembara Bukit Lagong 2017 yang telah berlangsung pada 28 Oktober 2017. Program ini dianjurkan bertujuan untuk menghargai jasa dan usaha rakan-rakan media yang senantiasa memberi sokongan kepada Majlis Perbandaran Selangor. Terima kasih kepada semua wakil media yang telah hadir memeriahkan majlis tersebut dan menyertai aktiviti sukan jungle tracking di Bukit Lagong. Untuk makluman, antara pihak akhbar tempatan yang telah menerima anugerah adalah Utusan Melayu, The Star, The China Press dan Sinar Harian.

## MESYUARAT AGUNG KELAB SUKAN DAN KEBAJIKAN MPS KALI KE 14



**KEWUJUDAN** Kelab Sukan dan Kebajikan MPS adalah bertujuan untuk melahirkan warga kerja yang bersatu, prihatin serta sihat melalui aktiviti sosial, kebajikan dan sukan dengan sebahagian peruntukan dibiayai sepenuhnya oleh MPS sendiri. Pada Mesyuarat Agung Kelab Sukan dan Kebajikan (KSDK) MPS Kali-14 yang telah berlangsung pada 27 Disember 2017 lalu, kelab ini telah bersidang untuk membubarkan ahli jawatankuasa bagi sesi 2014 sehingga 2017. Hasil mesyuarat tersebut, En Mohd Zikry Bin Zulkifle telah dilantik selaku pengurus baru KSDK MPS 2018.

Juga, sesi perasmian telah disempurnakan oleh Dato' Juhari bin Ahmad, Timbalan Yang Dipertua MPS. Hadir bersama ialah Pengarah Jabatan Korporat, En Zin bin Masoad dan Pengarah Jabatan Pembangunan Masyarakat, Pn Mazurah Binti Mohamed.

## CERAMAH KESIHATAN DAN PEMERIKSAAN MAMOGRAM

**ANULAE** cawangan Majlis Perbandaran Selangor (MPS) telah mengadakan ceramah kesihatan dan pemeriksaan mammogram percuma pada 22 November 2017. Ceramah yang bertajuk Pemakanan Sihat telah disampaikan oleh Puan Bahiya binti Idris iaitu seorang konsultan dan penceramah bebas yang berpengalaman dalam amalan kesihatan integrasi holistik. Seramai 50 orang kakitangan MPS telah hadir ke program tersebut.



## TANDATANGAN PERJANJIAN JABATAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL & KESIHATAN BERSAMA KDEB

MPS telah menandatangani perjanjian di antara Majlis Perbandaran Selayang (MPS) dan KDEB waste Management Sdn. Bhd. (KDEBWM) telah berlangsung pada 27 September 2017. Ini kerana, KDEBWM telah diberikan tanggungjawab melakukan kerja-kerja kutipan sisa pepejal dan pembersihan awam di Negeri Selangor secara berperingkat. Bermula pada 1 Mac 2017. Oleh itu, pihak KDEBWM akan

mengambil alih perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan pukal / kebun di kawasan pentadbiran MPS.

Dalam waktu yang sama, sesi penyerahan kunci kompaktor daripada KDEBWM kepada sub-kontraktor turut dijalankan dan disampaikan oleh Yang Berhormat, Tuan Ean Yong Hian Wah Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kerajaan Tempatan, Pemutihan Kilang

Haram dan Pembangunan Kampung Baharu Negeri Selangor.

KDEBWM turut memperkenalkan penggunaan sistem baharu dalam mengurus aduan yang dinamakan iClean Selangor. Pengadu boleh memuat turun dan menggunakan aplikasi ini di telefon bimbit untuk membuat aduan secara atas talian dan terus kepada pihak pengendali.



## PENYAMPAIAN ANUGERAH KOMUNITI MAMPAN 2017



DALAM sidang mesyuarat penuh bagi sesi Disember 2017, sebuah Anugerah Komuniti Mampan 2017 telah diberikan kepada Jawatankuasa Penduduk Zon 15 iaitu Ahli Majlis, Tuan Sulaiman bin Abu Samah dengan jumlah wang tunai sebanyak RM 1,000.

Objektif anugerah ini adalah untuk memberikan pengiktirafan kepada inisiatif-inisiatif hijau yang dijalankan oleh komuniti dalam menjaga kualiti alam sekitar dan kemampuan komuniti seperti yang termaktub di dalam Pelan Tindakan Local Agenda 21. Ianya juga bagi menggalakkan dan melahirkan sebuah masyarakat dan komuniti setempat yang sihat dan peka terhadap isu-isu alam sekitar untuk seiring dengan perkembangan ekonomi dan pembangunan sosial.

Acara penyampaian telah disempurnakan oleh Yang Dipertua MPS, Tuan Suliman bin Adb Rahman bersama Ketua WHIP Ahli Majlis MPS, Tuan A. Rahim bin Ahmad Kasdi.

## SELANGOR YOUTH FESTIVAL 2017

**MAJLIS SUKAN NEGERI SELANGOR** dengan kerjasama Majlis Perbandaran Selayang (MPS) telah menganjurkan Selangor Youth Festival pada 30 & 31 Disember 2017. Program ini telah berlangsung serentak di dua buah lokasi iaitu di Gua Damai Ekstreme Park dan Padang Awam Batu Caves.

Pelbagai aktiviti menarik disediakan kepada para pengunjung seperti himpunan Seni Bela Diri Selangor, Kejohanan Muay Thai, Larian SYF Fun Run, Busker, Expo Usahawan Muda, Expo Food Truck dan Food Stall, aktiviti sukan ekstrem, Kejohanan BMX Racing

dan Pushbike. Di samping itu, turut diadakan kejohanan futsal, pertandingan cybergames, zumba dan demo seni tempur.

Program ini juga telah dirasmikan oleh Y.B. Tuan Amirudin Bin Shari, Pengurus Jawatankuasa Tetap Pembangunan Generasi Muda & Sukan, Kebudayaan Dan Pembangunan Usahawan. Turut serta dalam program tersebut Y.B. Tuan Zaidy Bin Abdul Talib, Pengurus Jawatankuasa Tetap Infrastruktur & Kemudahan Awam, Pemodenan Pertanian Dan Industri Asas Tani bersama Yang Dipertua MPS, Tuan Suliman Bin Abdul Rahman.



## KARNIVAL SUKAN KOMUNITI SELAYANG (SUKOMSEL) 2017

**MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG** telah menganjurkan Karnival Sukan Komuniti (SUKOMSEL 2017) pada 7 - 8 Oktober dan akan bersambung pada 14 - 15 Oktober 2017. Karnival Sukan Komuniti (SUKOMSEL) JKP / PeBT Majlis Perbandaran Selayang adalah aktiviti yang dirangka khas untuk warga Selayang.

Perlawanan ini merangkumi beberapa gabungan sukan dan melibatkan penyertaan oleh 24 Zon JKP di kawasan Selayang. Antara permainan yang dipertandingkan adalah badminton, futsal, ping pong, bola jaring, karom dan tenpin bowling.



### ULTIMATE DIRECTION (UD) **THE SIGNATURE CROSS COUNTRY ULTRA SERIES 2017**

**ULTIMATE DIRECTION (UD) THE SIGNATURE CROSS COUNTRY ULTRA SERIES 2017** adalah sebuah pertandingan larian antarabangsa anjuran Cyclic Sport dengan kerjasama Majlis Perbandaran Selayang (MPS). Acara ini telah berlangsung di Bandar Warisan Batu Arang pada 02 & 03 Disember 2017 dan telah dirasmikan oleh Yang Berhormat Tuan Amirudin Bin Shari Pengurus Jawatankuasa Tetap Pembangunan Generasi Muda & Sukan, Kebudayaan dan Pembangunan Usahawan.

Seramai 400 orang pelari daripada pelbagai negara seperti Perancis, Great Britain, Indonesia, Filipina, Singapura, Amerika Syarikat dan juga Malaysia telah menyertai pertandingan ini. Sesi penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh Puan Salasiah binti Disa, Penyelaras ADN Kuang dan sertai oleh Ahli Majlis Zon 19 iaitu Tuan Ismail bin Hassan

